

Baca petikan dan jawab soalan berikut.

Nama:

Kelas:

Pada hujung minggu yang lalu, Kelab Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak mengadakan gotong-royong menceriakan dan membersihkan perpustakaan sekolah. Semua ahli kelab berkumpul di perpustakaan sejak pukul 8.30 pagi lagi. Mereka melakukan tugas yang diarahkan oleh Cikgu Hasanah dengan penuh tanggungjawab.

Antara tugas mereka ialah mengemas dan menyusun buku, menampal buku yang koyak dan mengasingkan buku lama serta menampal poster baharu dan berita terkini tentang aktiviti ahli di papan kenyataan. Ahli dibahagikan kepada beberapa kumpulan supaya tugas dapat dilakukan dengan teratur dan cepat.

Semua kerja dapat disiapkan dalam masa yang singkat sahaja kerana mereka melakukan kerja dengan tekun dan bersemangat. Selesai melakukan tugas mereka menjamu selera di kantin sekolah. Cikgu Hasanah sangat gembira dan berpuas hati kerana ahli kelab saling bekerjasama menyiapkan tugas mereka.

1. Apakah nama kelab yang bergotong-royong membersihkan perpustakaan sekolah?

- A Kelab Kebersihan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak
- B Kelab Perpustakaan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak.
- C Kelab Keceriaan Sekolah Kebangsaan Seberang Perak

2. Tujuan gotong-royong itu diadakan adalah untuk _____

- A menjaga kebersihan sekolah
- B mengikut arahan guru penasihat
- C mengisi masa lapang

3. Ahli kelab melakukan tugas yang diberi dengan penuh _____

- A bersemangat
- B tekun
- C tanggungjawab

4. Apakah aktiviti yang tidak dilakukan oleh ahli perpustakaan?

- A membuat poster baharu
- B menampal buku yang koyak
- C mengasingkan buku lama